

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
SESI PEMBENTANGAN DAPATAN AUDIT
PEMATUHAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN
MESYUARAT (APTUm) UCS TAHUN 2025**

**4 JUN 2025 | RABU | 8.45 PAGI
DEWAN SRI ALAM, HOTEL UiTM
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WALMURSALIINWA 'ALAAALIHI
WASOHBHI AJMA'IN**

YBrs. Profesor Ir Ts Dr Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

YBrs. Profesor Dr Norazmir Md Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni & Keusahawanan (iCARE)

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

Merangkap Ketua Auditor APTUm UCS

Ketua Bahagian, Ketua Unit, Para Auditor APTUm UCS dan semua Setiausaha Jawatankuasa Mesyuarat UCS yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan selamat datang ke **Sesi Pembentangan Dapatan Audit Pematuhan Tadbir Urus dan Pengurusan Mesyuarat UiTM Cawangan Selangor** atau dikenali sebagai **APTUm UCS**.

2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam sesi penting ini.
3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) atas inisiatif pelaksanaan APTUm ini sebagai salah satu usaha ke arah penambahbaikan tadbir urus di UiTM Cawangan Selangor (UCS).
4. Untuk makluman semua, pelaksanaan audit ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Selangor Bilangan 35 pada 13 Februari 2025.
5. Turut difahamkan, sesi audit telah berlangsung mulai bulan Mac 2025, dengan melibatkan sebanyak 34 jawatankuasa dan 11 Bahagian/ Unit di UCS.

6. Antara objektif utama pelaksanaan audit ini adalah:

- a. Menyemak dan menilai proses tadbir urus jawatankuasa di peringkat operasi dan *feeder* di PTJ berdasarkan *Term of Reference* (TOR) dan garis panduan yang ditetapkan.
- b. Mengenal pasti proses dan amalan teladan (*best practices*) yang telah diterapkan dalam pelaksanaan tadbir urus dan pengurusan mesyuarat.
- c. Menambah nilai kepada operasi penyampaian perkhidmatan melalui cadangan penambahbaikan berasaskan dapatan audit.
- d. Meningkatkan kepercayaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pembuatan keputusan serta pengurusan mesyuarat di PTJ.

7. Justeru, sesi pagi ini merupakan platform untuk kita bersama-sama meneliti hasil dapatan audit yang telah dilaksanakan, disamping mendengar maklum balas daripada PTJ yang terlibat.
8. Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa dapatan audit ini bukanlah bersifat mencari kesalahan, sebaliknya ia merupakan platform untuk menonjolkan kekuatan setiap jawatankuasa melalui inisiatif amalan terbaik yang dilaksanakan serta mengenalpasti ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian.
9. Saya amat mengharapkan agar PTJ dapat meneliti segala syor dan penemuan yang akan dibentangkan, serta melaksanakan tindakan pembetulan segera bagi saranan dan teguran yang diberikan oleh pihak *auditor*.

10. Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada Pasukan Audit, Setiausaha Jawatankuasa serta semua warga UCS yang terlibat dalam menjayakan APTUm UCS Tahun 2025 ini.
11. Pihak pengurusan juga berbesar hati untuk meraikan para *Auditor*, Setiausaha Jawatankuasa dan Ketua PTJ yang terlibat bagi menghargai komitmen dan sokongan yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan APTUm ini.
12. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada tadbir urus yang lebih berintegriti dan berakauntabiliti di UiTM Cawangan Selangor.

Mendaki bukit bersama teman,
Langkah seiring terasa ringan,
Nilai integriti tunjang amalan,
Organisasi cemerlang jadi teladan.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**